

## Pemikiran Melayu Tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional

Malay Thought on Knowledge and Propriety in Traditional Malay Literature

ZURAKINTAN ABDUL RAZAK & CHE IBRAHIM SALLEH

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan konsep pemikiran Melayu yang bersangkutan dengan ilmu dan adab yang secara tersiratnya dikupas melalui puisi Melayu tradisional, iaitu pantun, peribahasa dan syair. Perbahasan tentang aspek pemikiran ini sebenarnya telah bermula sejak zaman Plato dan Aristotle lagi yang berjaya menyingkap pelbagai rahsia yang berkait rapat dengan kehidupan manusia, haiwan, dan seluruh isi alam ini. Pemikiran Melayu berdasarkan puisi Melayu tradisional ini merupakan keseluruhan pandangan atau fikiran seseorang individu yang merangkumi segala aspek pengetahuan, pemerhatian atau pendirian yang menjadi dasar keilmuan atau pegangan. Dalam pengkajian karya sastera khususnya puisi, pemikiran merangkumi aspek-aspek persoalan atau mesej pengajaran yang cuba disampaikan secara tersurat dan tersirat melalui karya untuk dijadikan panduan atau teladan dan pengajaran yang berkaitan dengan kehidupan individu atau masyarakat dalam sebuah negara. Selain itu, pemikiran ialah sesuatu yang terbukti di fikiran dan cuba diluahkan dengan menggunakan wahana yang tertentu. Dalam konteks penulisan ini, wahana yang digunakan ialah puisi Melayu tradisional yang diharapkan agar terus dapat menjadi wadah ke arah pembentukan pemikiran yang kritis dan kreatif, cendekia, dan seiringan dengan aliran pemikiran Islam yang bersandarkan wahyu dari Allah SWT untuk menjadi petunjuk kepada manusia di bumi ini.*

*Kata kunci:* Pemikiran Melayu; ilmu; adab; puisi Melayu tradisional

### ABSTRACT

*This article discusses the Malay thought, concerning its knowledge and culture which thoroughly explained through traditional Malay prose forms, including rhymes, proverbs and poetry. The aspect of thought have long been debated since the period of Plato and Aristotle who managed to reveal the secrets associated with human life, animals, and the entire universe. Malay thought based on the traditional Malay prose is perceptually an overall view or thoughts of an individual which encompasses aspects of knowledge, observation or principle underlying the knowledge or belief. In literary research, particularly poetry, thought encompasses all aspects of question or message which is explicitly and implicitly conveyed through the works, thus acting as a teaching guide to the life event of an individual or society in a country. Moreover, the thought is mentally stored in mind and expressed through a particular medium. In the context of this study, a medium used is traditional Malay prose forms. This medium expects to continuously become an avenue towards the development of critical and creative thinking, intellectuality, and at a time, being able to stand in line with the Islamic thought which is clearly developed based on Allah's guidance to mankind.*

*Keywords:* Malay thought; knowledge; manners; traditional Malay prose forms

### PENGENALAN

Prof. Dr. Hamka, seorang penulis dan ulama terkenal Indonesia ada menyatakan bahawa “Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan pada wajah dan pakaianya”. Kata-kata ini memberikan gambaran yang sangat bermakna kepada kita bahawa ilmu pengetahuan dan adab yang mulia sangat penting dalam kita menjalani kehidupan ini. Ilmu pengetahuan merupakan inti pati utama bagi pembangunan bangsa yang kuat dan dihormati dengan disertai oleh adab yang baik untuk saling melengkapi. Sesungguhnya Allah

SWT telah memberikan satu anugerah yang tidak terhingga nilainya dan amat besar manfaatnya kepada makhluknya yang bernama manusia iaitu anugerah ilmu pengetahuan. Untuk menjadi insan yang beriman dan bertakwa, Islam menganjurkan agar kita memiliki ilmu yang dapat diperoleh melalui pendidikan yang sempurna ke arah pembinaan adab dan akhlak yang terpuji. Sehubungan dengan itu, baginda Rasulullah SAW ada bersabda yang bermaksud:

“Dari Anas bin Malik ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Menuntut ilmu adalah satu kefarduan ke atas setiap muslim”. (Riwayat Al-Imam Ibnu Majjah)

Oleh itu, kedudukan ilmu pengetahuan yang tinggi perlulah disertai dengan akhlak yang mulia yang akan menjadi tunjang kepada kekuatan ummah keseluruhannya.

## PENGERTIAN ILMU DAN ADAB

### PENGERTIAN ILMU

Perkembangan sains dan teknologi, ketamadunan bangsa, budaya dan sebagainya berkait rapat dengan ketinggian ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat hari ini. Sememangnya kita tidak dapat menafikan bahawa ilmu pengetahuan adalah sangat penting dalam kehidupan manusia. Tradisi keilmuan merupakan prasyarat dominan ke arah pembinaan suatu tamadun bangsa yang tinggi akhlaknya, bersahsiah unggul, dan berperibadi mulia. Sejarah telah membuktikan juga bahawa tamadun Yunani, Islam, Barat, Jepun dan Korea Selatan berkembang dan terbina hasil kegigihan dan ketinggian ilmu para ilmuannya.

Ilmu atau *knowledge* dalam bahasa Inggeris bermaksud tahu atau proses mengenal yang didapati atau diperoleh melalui pengalaman seseorang, benda, atau fakta. Ilmu adalah hasil daripada kajian terhadap sesuatu perkara yang terangkum di dalamnya pengetahuan berdasarkan teori-teori yang telah disepakati melalui uji kaji yang sistematis. Ilmu merupakan pemahaman bermakna ataupun sesuatu yang memberikan makna kepada diri individu apabila datangnya sesuatu sumber maklumat yang dikatakan berkaitan dengan sesuatu kajian ataupun memerlukan kefahaman.

Gagne (1985), merujuk ilmu sebagai semua fakta yang telah dipelajari dan semua pengalaman yang diperoleh. Confucius pula menjelaskan bahawa ilmu adalah kebenaran yang bermaksud mengetahui, mengenali, memahami, mengenal pasti dan menyakini. Ilmu menurut pandangan Barat ini secara ringkasnya ialah pengetahuan yang diperoleh melalui pengalaman, perolehan maklumat secara empirikal dan pemikiran tentang sesuatu melalui kaedah tertentu, yang membolehkan manusia meneroka dan mengeksplorasi alam. Hubungan antara sistem nilai dengan keilmuan masih kabur. Bagi mereka, ilmu merujuk kepada pengenalan atau persepsi yang jelas tentang fakta yang merujuk kepada perkara-perkara yang boleh ditanggapi oleh pancaindera zahir dan bersifat empiris. Oleh itu, pandangan Barat ini melihat sesuatu yang di luar keupayaan pancaindera bukanlah fakta dan tidak termasuk dalam bidang ilmu. Secara tidak langsung,

ajaran agama terkeluar daripada tafsiran tersebut dan hanyalah berbentuk kepercayaan semata-mata.

Walau bagaimanapun, pengertian dan konsep ilmu ini agak berbeza jika dilihat menurut pandangan Islam. Menurut perspektif Islam, ilmu dikenali sebagai sifat, proses, dan hasil. Secara mendalamnya lagi perkataan ilmu itu sendiri berasal dari perkataan Arab iaitu ‘ilm yang bermaksud pengetahuan dan ‘alimun yang bermaksud mengetahui. Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2007) mentakrifkan ilmu secara epistemologi, iaitu sebagai ketibaan dalam kalbu seseorang tentang makna sesuatu perkara, atau ketibaan oleh kalbu tentang makna sesuatu. Menurutnya, ilmu dari perspektif Islam adalah sesuatu yang:

“dapat memberitahu serta menjelaskan tempat yang tepat dan betul dan benar bagi sesuatu; dapat menjelaskan batasan dan had dan kegunaan dan maksud sesuatu; dapat menjelaskan perbezaan di antara yang benar dan hak dengan yang palsu dan batil, yang dapat membimbing ke arah kebenaran”

### PENGERTIAN ADAB

Apabila kita menyentuh berkaitan adab, kita sememangnya tidak dapat memisahkan pengertian perkataan ini daripada sudut Islam kerana perkataan adab itu sendiri berasal daripada bahasa Arab yang bererti kesopanan, tingkah laku yang baik, kehalusan budi bahasa dan tatasusila. Pada peringkat awal Islam, kata adab bererti akhlak yang baik, pengajaran dan pendidikan yang baik. Dalam konteks penggunaannya dalam masyarakat sekarang maksud adab juga berkait dengan etika atau tatacara yang baik untuk melakukan sesuatu pekerjaan sama ada ibadah ataupun *muamalah* sesuai dengan tuntutan al-Quran dan al-Hadis.

Perihal adab yang dihuraikan dalam <http://prpm.dbp.gov.my/> sebagai tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus, kesopanan. Dalam pengertian yang lebih luas, aspek adab sangat berkait rapat dengan ‘akal’ dan ‘budi’. Aspek akal akan berkait pula dengan ilmu dan perkaitan inilah yang terangkum dalam pemikiran masyarakat yang dizahirkan melalui puisi warisan Melayu yang menjadi topik perbincangan dalam penulisan ini.

### KONSEP ILMU DAN ADAB

Ketamadunan bangsa bermula dengan penghayatan terhadap ilmu pengetahuan. Bangsa yang berjaya

bermula dengan tradisi ilmunya yang utuh. Sejarah telah membuktikan bahawa kemajuan sesuatu bangsa berkait rapat dengan kemajuan ilmu pengetahuan yang terdapat pada sesuatu bangsa. Dunia dan masyarakat hari ini amat menyanjung tinggi orang yang berilmu serta mempunyai akhlak yang terpuji. Hal ini bererti, seseorang yang berilmu pengetahuan seharusnya mengimbangi dirinya dengan sifat-sifat terpuji agar benar-benar menjadi insan yang kamil. Dari perspektif Islam, orang yang berilmu mendapat pengiktirafan dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT, seperti firman-Nya yang bermaksud:

“Allah memberikan hikmah (ilmu pengetahuan) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan bererti ia telah diberikan kebaikan yang banyak”.  
(Al-Baqarah: 269)

Selain itu, bangsa Melayu yang beragama Islam amat menitikberatkan kepentingan ilmu pengetahuan untuk membentuk dan menyuburkan fikiran bangsanya. Ilmu adalah inti pati yang terpenting dalam pembangunan insan, apatah lagi dalam mengesahkan ibadah terhadap yang Maha Esa. Seruan agar menuntut ilmu ini turut terkandung di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah dalam wahyu pertama yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW dalam surah al-Alaq ayat 1-5 yang bermaksud:

“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (sekelian makhluk). Ia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah. Yang mengajarkan kepada manusia apa-apa yang tiada diketahuinya”.

Hukum menuntut ilmu ini adalah fardu Ain, iaitu satu kewajipan kepada setiap umat Islam. Mengikut ajaran Islam, konsep ilmu adalah berasaskan tauhid iaitu kepercayaan kepada Allah yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Penjelasan ilmu yang terkandung di dalam kedua-dua sumber utama umat Islam ini mencakupi perihal dunia dan akhirat. Sesungguhnya Islam amat memandang tinggi orang yang berilmu serta meletakkan ilmu di tempat tertinggi dalam sistem nilai hidup manusia. Melalui surah al-Mujadalah ayat yang ke-11, Allah berfirman yang bermaksud:

“Allah telah mengangkat orang-orang yang beriman dari golongan kamu, dan begitu pula orang-orang yang dikurniai ilmu pengetahuan beberapa darjah”.

Nabi Muhammad SAW turut menganjurkan umatnya mencari dan menuntut ilmu. Antara hadis riwayat Abu Hurairah r.a. yang menyebut berkaitan perkara ini ialah yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang menjalani (mencari) suatu jalan yang boleh mendapatkan suatu ilmu, maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan yang membawanya ke syurga”.  
(Abu Taariq Said: 2006)

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993) pula menegaskan bahawa ilmu adalah prasyarat ke arah menjayakan cita-cita membangunkan sebuah negara bangsa yang maju, berwibawa dan cemerlang. Konsep adab juga amat berkait rapat dengan ajaran Islam. Sebagai masyarakat Melayu yang mengamalkan ajaran agama Islam, kehidupan mereka sememangnya tidak terpisah dengan gesaan yang mewajibkan setiap umat Islam mengamalkan ajaran dan cara hidup yang berlandaskan ajaran daripada al-Quran dan al-Hadith. Adab dalam kehidupan mencakupi aspek pergaulan, tingkah laku, tutur kata, budi bahasa dan kesopanan yang kesemuanya mempunyai kaitan dengan pendidikan dan etika manusia itu sendiri. Pengertian dan huraian berkaitan adab begitu meluas sekali, di mana adablah yang menggambarkan sifat-sifat adil, kebijaksanaan dan hikmah, sekali gus adab menjadikan manusia sentiasa mengutamakan keadilan yang dicetuskan melalui hikmah dan kebijaksanaan. Hal ini sebenarnya melibatkan pengakuan dan amalan yang terpamer secara langsung dalam kehidupan sehari-hari. Adab tertentu yang dimaksudkan adalah seperti adab makan dan minum, adab semasa di dalam majlis, adab perkahwinan, adab memberi salam, adab terhadap ibu bapa, guru, muhul pun jiran tetangga.

Masyarakat Melayu juga kerap kali mengaitkan orang yang beradab dengan orang yang tidak beradab melalui tingkah laku yang ditunjukkan. Hal inilah sebenarnya yang membezakan antara kejahatan dengan kebaikan, keindahan dengan keburukan, sesuatu yang berharga daripada yang tidak berharga, dan sesuatu yang benar dan yang palsu. Masyarakat Melayu menerima nilai-nilai yang disepakati seperti jujur dan amanah, berakhlak mulia, tidak berbohong dan banyak lagi sebagai nilai yang mencerminkan ketinggian adab dalam masyarakat itu sendiri. Oleh itu, jelaslah kepada kita bahawa konsep ilmu adalah tentang akal dan fikiran dan adab pula ialah akhlak yang terpuji yang kedua-duanya saling melengkapi ke arah pembentukan jati diri yang dikehendaki.

#### HUBUNGAN ILMU DAN ADAB DENGAN BAHASA DAN PEMIKIRAN YANG TERDAPAT DALAM PUISI MELAYU

Terdapat hubungan yang sangat erat antara ilmu dan adab dengan bahasa dan pemikiran yang terdapat

dalam puisi-puisi Melayu. Antara puisi Melayu yang banyak mengungkapkan aspek kehidupan masyarakat Melayu, sama ada untuk tujuan gurauan, hiburan, di dalam upacara perdukanan, adat istiadat, dan sebagainya ialah pantun, peribahasa, mantera, syair, nazam, masnawi, perbilangan, dan sajak. Puisi yang terhasil ini bukan sahaja menjadi bahan kolektif yang amat tinggi nilai seninya, malah mencerminkan pemikiran yang menampakkan kekreatifan masyarakatnya dan menjadi panduan dan pedoman yang begitu bermanfaat sekali. Di dalam puisi tersebut, terdapat ungkapan yang berkaitan dengan pandangan masyarakat Melayu terhadap ilmu dan adab. Semuanya ini terzahir melalui wahana bahasa yang berperanan dalam menyampaikan maksud yang dikehendaki.

#### HUBUNGAN ILMU DAN ADAB DENGAN BAHASA DAN PEMIKIRAN DALAM PANTUN MELAYU

Pantun merupakan salah satu bentuk tradisi lisan Melayu yang masih hidup dan digunakan oleh masyarakat Melayu pada masa ini. Seperti puisi Melayu yang lain, pantun bukan sahaja diungkapkan untuk tujuan hiburan semata-mata, malahan pantun juga digunakan sebagai alat sindiran, jenaka, gurauan, cara seseorang menyatakan rasa rindu dan yang paling penting pantun berperanan sebagai media dalam menyampaikan nasihat dan pengajaran kepada khalayaknya. Ternyata dalam rekaan pantun-pantun Melayu terdahulu, mereka begitu kreatif menyampaikan sesuatu hasrat atau tunjuk ajar dengan cara yang berhemah dan di dalamnya sarat dengan nilai agama, budaya, dan norma-norma sosial serta unsur moral dan akhlak yang mulia. Di samping itu, persoalan kepentingan ilmu dan pengamalan nilai budi atau adab tidak ketinggalan dipaparkan melalui sebuah pantun. Kita lihat dahulu melalui serangkap pantun yang di dalamnya membicarakan perihal kepentingan ilmu pengetahuan.

Angin barat ombaknya besar,  
Mau ke laut berhati-hati;  
Ingin selamat banyak belajar,  
Ilmu dituntut bekal dicari.

Masyarakat kita menekankan kepentingan ilmu pengetahuan yang perlu dituntut sejak kecil kerana dengan ilmulah seseorang itu akan menjadi orang yang berguna dan mendapat kesenangan hidup. Ilmu pengetahuan perlu dituntut oleh setiap orang kerana ilmu diibaratkan cahaya yang akan menerangi

hidup di samping matlamat utamanya supaya manusia dapat membezakan di antara kebenaran dengan kebatilan. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 269 yang bermaksud:

“Dia (Allah) memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendakinya, dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya dia telah diberikan kebajikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang mempunyai akal yang dapat memikir dan memahaminya”.

Selain itu, ilmu yang dituntut perlulah diamalkan sebagai bekalan hidup di dunia dan di akhirat sebagaimana yang tersirat dalam pantun ini:

Andainya sagu terus diparut,  
Banyaklah bekal ke mana pergi;  
Andainya ilmu terus dituntut,  
Banyaklah bekal hidup dan mati.

Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai ilmu pengetahuan atau malas untuk belajar, terdapat beberapa kesan yang akan menimpa dirinya, seperti akan diperlekehkan oleh orang lain sampai tua atau dipandang rendah dan mendapat kesusahan dalam hidup. Sebaliknya, masyarakat melihat orang yang berilmu kehidupannya akan lebih senang dan perangai atau tingkah lakunya juga menggambarkan ketinggian ilmu yang dimilikinya. Hal ini jelas memperlihatkan kepada kita bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan ilmu dan ilmu pula akan mempengaruhi perangai atau adab seseorang seperti pantun berikut:

Ramailah orang membawa labu,  
Labu perisa digulai lemak;  
Pandai orang kerana berilmu,  
Ilmu ada perangaipun bijak.

Kelebihan orang yang berilmu terbukti melalui maksud pantun di atas dan sekiranya seseorang itu tidak memiliki ilmu di dada, terdapat beberapa kesan negatif yang berkait dengan adab pula. Antaranya:

Apabila pelita tidak bersumbu,  
Tidakkan dapat dibuat suluh;  
Apabila dada tidak berilmu,  
Banyaklah sifat tidak senonoh.

Dalam memilih pemimpin, ilmu pengetahuan dan ketinggian adab seseorang itu juga sangat dititikberatkan. Seseorang pemimpin perlulah mempunyai ilmu dan berakhhlak mulia supaya dapat menjadi contoh dan ikutan kepada orang

bawahannya. Perkara ini turut terkesan melalui pemikiran Melayu yang terdapat dalam pantun di bawah:

Kalau hendak memilih cincin,  
Pilihlah cincin yang sejdu;  
Kalau awak memilih pemimpin,  
Pilih pemimpin yang berilmu.

Apabila seseorang itu hendak menuntut ilmu, sifat-sifat keji seperti sompong dan meninggi diri hendaklah dijauhi. Masyarakat Melayu menganjurkan agar seseorang yang ingin menuntut ilmu dengan bimbingan seorang guru dan tidak bersikap besar kepala seperti pantun ini:

Bila berburu tidak beranjing,  
Tentulah sulit mendapat rusa;  
Bila berguru tidak dibimbang,  
Ilmu sedikit manfaat tak ada.

Dalam menuntut ilmu juga kita disarankan agar tidak mudah berputus asa dan berusaha bersungguh-sungguh supaya tidak menyesal kemudian hari. Pemikiran ini terdapat dalam pantun di bawah:

Bukan mudah memarut sagu,  
Sebelum diparut batang dibelah;  
Bukan mudah menuntut ilmu,  
Sebelum dapat pantang menyerah.

Setelah ilmu penuh di dada, kita hendaklah menyeimbangkannya dengan iman. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu telah lama memahami konsep ilmu dan iman yang perlu diselaraskan. Pemikiran yang jelas di sini ialah ilmu dapat membentuk keperibadian yang baik dan menjadikan seseorang itu bertakwa dan cinta kepada Allah dan rasul-Nya seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang takut (taat) kepada Allah di kalangan hamba-Nya ialah ulama (orang yang berilmu).”  
(Surah al-Fathir :28)

Daripada maksud ayat di atas, tidak dapat dinafikan bahawa orang yang berilmu akan beriman dengan sebenar-benarnya kepada Allah Taala dan perkara ini turut terpancar melalui pemikiran Melayu yang terdapat dalam pantun berikut:

Kalau perahu tak ada pedoman,  
Tidak siang malam kan larat;  
Kalau berilmu tidak beriman,  
Banyak orang karam di darat.

Ilmu yang diperoleh oleh seseorang itu juga perlulah diamalkan untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Orang Melayu menyifatkan ilmu yang tidak diamalkan umpama pokok yang tidak berbuah yang tidak mendatangkan manfaat kepada orang tersebut khasnya dan masyarakat amnya. Hal ini diungkapkan melalui pantun:

Kemumu di tengah pekan,  
Dihembus angin jatuh ke bawah;  
Jika ilmu tidak diamalkan,  
Bagai pohon tidak berbuah.

Kelebihan orang yang berilmu turut diperkatakan dalam pantun yang memancarkan pemikiran Melayu mengenainya. Kelebihan ilmu jelas membawa mesej menuntut ilmu dan kepentingan ilmu merupakan pegangan dan panduan dalam hidup yang membawa kebajikan dunia dan akhirat.

Sungguh tinggi batang kekabu,  
Bunganya putih bagaikan kapas;  
Sungguh terpuji orang berilmu,  
Mukanya bersih hati pun ikhlas.

Selanjutnya, persoalan adab juga menjadi perkara yang penting dan diutamakan dalam masyarakat Melayu. Hal ini juga selari dengan ajaran Islam yang menuntut umatnya agar sentiasa beradab dan mengamalkannya dalam kehidupan. Banyak pantun yang memancarkan pemikiran Melayu tentang kepentingan adab yang menjadi dasar kepada pembentukan bangsa yang tinggi nilai budinya. Marilah kita telusuri contoh-contoh pantun di bawah yang memperjelaskan ketinggian martabat budi. Sebenarnya, aspek “budi” dan “adab” mempunyai hubungan yang sangat unik dengan bahasa sebagaimana yang terkandung dalam pantun berikut:

Tegak rumah kerana sendi,  
Runtuh sendi rumah binasa;  
Tegak bangsa kerana budi,  
Runtuh budi hilanglah bangsa.

Menurut Mana Sikana (2005: 131), dalam konteks budaya, aspek berbudaya sering dihubungkan dengan perihal “budi” dengan “daya”, yakni upaya bagi tujuan menjelaskan hubungan “budi” dengan amalan dan keupayaan akal yang bersifat material dan kerohanian yang diseimbangkan secara teratur, beradab, bersopan, dan bijaksana, manakala bahasa yang berkaitan dengan tutur kata dan tingkah laku diletakkan pada paras yang setara, sama nilai dan

penting, saling membentuk peribadi, peradaban dan tamadun dalam kalangan masyarakat tradisional Melayu seluruhnya.

Masyarakat Melayu juga tidak melihat adab sekadar apa-apa yang dizahirkan, sebaliknya turut menyerap dan membentuk keperibadian secara kerohanian dalam kalangan mereka. Siti Zainon Ismail:<http://kakiseni.com/> mengungkapkan perkara yang sama secara kreatif melalui pantun di bawah:

Asam kandis mari dihiris,  
Manis sekali rasa isinya;  
Dilihat manis dipandang manis,  
Lebih manis hati budinya.

Berdasarkan pantun di atas juga, orang Melayu melihat keindahan fizikal sebagai sesuatu yang bersifat sementara dan hanya untuk dipandang menarik sahaja, sebaliknya budi yang baik jauh lebih penting berbanding kecantikan yang akan musnah apabila tiba masanya. Masyarakat kita akan lebih melihat kepada bentuk kerohanian, kesopanan tingkah laku dan budi pekerti yang mulia yang dimiliki oleh seseorang.

Selain itu, agama Islam tidak memisahkan antara iman dan adab. Hal ini terbukti melalui pantun berikut yang memperkatakan seseorang yang beramal dengan penuh keimanan bermakna telah sempurnalah adabnya, manakala masyarakat Melayu juga mengaitkan perasaan malu yang perlu dimiliki oleh setiap orang supaya tidak menjaskan iman mereka.

Apabila kaki kena sembilu,  
Dibawa berjalan tidak menelap;  
Apabila hati tiada bermalu,  
Binasa iman rosaklah adab.

Selain persoalan adab di atas, masyarakat Melayu turut memaparkan pemikiran mereka tentang beberapa adab melalui pantun, antaranya ialah adab makan dan minum. Lazimnya, masyarakat kita makan menggunakan tangan kanan dan memulakannya dengan bacaan *basmalah*. Berkaitan adab makan juga, masyarakat Melayu diingatkan agar tidak makan hingga terlalu kenyang dan tetap mengingati orang lain yang kelaparan. Kita perhatikan pantun berikut:

Andainya laut sudah tenang,  
Cepat-cepat memasang layar;  
Andainya perut sudah kenyang,  
Ingin-ingat orang yang lapar.

Masyarakat Melayu amat menitikberatkan adab sopan terhadap golongan yang lebih tua atau ibu bapa. Terdapat pantun berbentuk nyanyian yang diberi nama Pantun Burung Kanak-Kanak yang menyentuh perihal adab terhadap ibu bapa atau orang yang lebih tua. Anak-anak diingatkan supaya mendengar teguran dan nasihat ibu bapa, Pantun nyanyian ini berbunyi:

Burung kanak-kanak,  
Terbang pucuk tebu;  
Pesan datuk nenek,  
Jangan durhaka pada ibu.

Siri pantun di atas diteruskan dengan nasihat berkaitan membala budi kerana dalam masyarakat Melayu, apabila anak-anak menjadi dewasa, mereka diharapkan agar dapat menjaga kedua-dua ibu bapa yang telah mendidik mereka hingga berjaya.

Apa tanda tepak berisi,  
Cukup dengan sirih pinangnya;  
Apa tanda anak berbudi,  
Ayah bondanya disayangi.

Sifat hormat menghormati merupakan adab yang telah lama diperaktikkan dalam masyarakat Melayu. Salah satunya ialah menghormati orang tua yang merupakan satu amalan yang penting dalam masyarakat Melayu dan hal ini sangat ditekankan serta bermula dalam keluarga. Pantun-pantun berikut menjelaskan pentingnya menghormati orang tua. Orang tua, termasuk ibu bapa yang telah tua, selalu dilihat mempunyai kedudukan yang istimewa dalam keluarga. Mereka biasanya menjadi tempat untuk mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar kerana mereka yang “makan garam lebih dahulu”.

Tumbuk kacang sampai lumat,  
Buat inti bingka seloyang;  
Orang tua kita hormat,  
Generasi muda kita sayang.

Akhlik yang mulia terpancar melalui tingkah laku, tutur kata, budi bahasa dan kesopanan seseorang. Orang Melayu akan lebih menghormati seseorang yang beradab dan baik budinya. Hal ini terakam juga melalui pantun berikut:

Alangkah elok kembang di hutan,  
Banyaklah kumbang datang menyeri;  
Memanglah elok orang budiman,  
Dihormati orang petang dan pagi.

## HUBUNGAN ILMU DAN ADAB DENGAN BAHASA DAN PEMIKIRAN DALAM PERIBAHASA MELAYU

Peribahasa itu ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya. Dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran (Za'ba: 2002).

Terdapat pemikiran Melayu yang diungkapkan melalui peribahasa sama ada simpulan bahasa, bidalan, pepatah dan perumpamaan yang menyentuh aspek ilmu dan adab. Peribahasa yang lahir ini menyeru bangsa Melayu supaya menuntut ilmu pengetahuan dan mengamalkan adab yang terpuji dalam kehidupan. Antara peribahasa tersebut ialah perumpamaan yang mengungkapkan kepentingan ilmu pengetahuan seperti:

“Biduk kalau tidak berkemudi bagaimana ia akan laju”

Perumpamaan ini membawa maksud suatu pekerjaan yang dikerjakan tanpa ilmu tentu tidak akan tercapai. Berdasarkan makna perumpamaan ini, jelas menunjukkan kepada kita bahawa pemikiran masyarakat Melayu yang mengutamakan kepentingan menuntut ilmu pengetahuan dan menggunakan ilmu yang telah dipelajari dengan sebaik-baiknya.

Ilmu merupakan teras dalam sistem agama Islam dan Allah SWT meletakkannya di tempat yang tertinggi. Pemikiran masyarakat Melayu yang beragama Islam meletakkan ilmu sebagai satu nilai luhur bersesuaian dengan kepentingannya yang dapat membentuk keperibadian yang baik dan menjadikan seseorang itu lebih mulia daripada makhluk yang lain. Hakikat ilmulah yang menyebabkan manusia diamanahkan oleh Allah sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Sejarah dengan itu, kandungan pemikiran ini diungkapkan dalam perumpamaan Melayu sebagai pengajaran dan teladan untuk orang Melayu menimba ilmu pengetahuan. Antaranya:

“Melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Masyarakat kita menyarankan agar ibu bapa memberikan pendidikan kepada anak-anak sejak kecil lagi dengan mengambil kira aspek ‘rebung’ yang sifatnya lembut berbanding ‘buluh’ yang sudah keras yang sukar untuk dilentur. Sekiranya perkara ini dikaitkan dengan adab, mendidik anak-anak yang masih kecil adalah lebih mudah kerana jiwa mereka bersih dan suci. Hal ini bertepatan

dengan nasihat yang dilontarkan oleh Hamka yang berbunyi:

“Hendaklah adab sopan anak-anak itu dibentuk sejak kecil kerana ketika kecil mudah membentuk dan mengasuhnya. Belum dirosakkan oleh adat kebiasaan yang sukar ditinggalkan”.

Jika kita teliti juga terbukti di sini bahawa aspek bahasa jelas berhubungan erat dengan pemikiran dan budaya masyarakat Melayu yang memandang tinggi terhadap usaha mempelajari sesuatu ilmu dengan sempurna dan bijaksana sebagai panduan dan pedoman dalam kehidupan. Peribahasa “isi dada bekal berjalan” menyokong pendapat dan pemikiran bangsa Melayu yang mengatakan bahawa dengan ilmu, ke mana sahaja kita pergi boleh mendapat kehidupan dan sesuatu kesempurnaan telah diperlakukan oleh empat orang iaitu orang yang berilmu, berakal, mahir, dan berusaha seperti peribahasa “empat sudah bersimpul satu”.

Walau bagaimanapun, seseorang yang berilmu hendaklah menyampaikan atau mengajarkan ilmunya, seperti kata peribahasa “alim yang kikir akan ilmunya itu seumpama senjata yang berkarat di dalam sarungnya”. Pemikiran Melayu yang terkandung di sebalik dengan orang lain kerana sikap ini bertentangan dengan adab dan budaya masyarakat Melayu.

Sebaliknya, terdapat juga orang Melayu yang tidak mahu belajar atau menuntut ilmu seperti peribahasa:

“Si jahil yang enggan belajar seumpama si buta malu bertongkat”.

Orang yang jahil sudah tentu hidupnya tidak sempurna kerana pada zaman ini, sekiranya seseorang itu tidak mempunyai ilmu, mereka akan ketinggalan dan mengalami kesusahan dalam kehidupan. Untuk memperoleh serta mendalamai ilmu, kita perlu berusaha dengan gigih kerana ilmu tidak datang sendiri, bak kata peribahasa:

“Yang bulat tidak datang menggolek dan yang pipih tidak datang melayang”.

## HUBUNGAN ILMU DAN ADAB DENGAN BAHASA DAN PEMIKIRAN DALAM SYAIR MELAYU

Perkataan syair terbit daripada bahasa Arab yang bererti ‘perasaan yang menyedari’. Menurut istilah

perkataan, syair ialah suatu karangan yang tersusun rapi perkataannya secara berangkap-rangkap dan seimbang serta mempunyai pertentangan bunyi yang sama pada hujung tiap-tiap barisnya (Alwi Salim 1983).

Za'ba berpendapat syair berasal daripada bahasa Arab *syir* yang membawa maksud perasaan dan pengenalan dengan pancaindera kerana karangan syair selalu membangkitkan perasaan dan pengalaman yang hanya terasa menerusi gambaran yang indah.

Terdapat banyak syair yang hebat yang telah dihasilkan oleh tokoh bahasa yang hebat seperti Raja Ali Haji dengan syair Nasihat, syair Hukum Faraid, syair Siti Sianah dan banyak lagi. Za'ba sendiri banyak menulis syair dan antara syairnya yang terkenal iaitu syair *Kelebihan Ilmu*. Di dalam syair ini, kita dapat melihat sebuah pemikiran Melayu yang meletakkan kepentingan ilmu pengetahuan.

#### *Syair Kelebihan Ilmu*

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati;  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat ternilaikan,  
Sebuah dunia belinya bukan;  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pecan.

Masa seorang ialah taulan,  
Teman berbekta, suluh berjalan;  
Masa berhimpun ia pengenalan.  
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur;  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.  
Ia penerang jalan ke syurga,  
Ia pemua tekak yang dahaga;  
Ialah sungai ia telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana;  
Hamparnya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

(Za'ba dalam "Pengasuh" 13 Januari 1922)

Syair di atas memberikan gambaran dan pemikiran Za'ba yang mewakili bangsa Melayu tentang kelebihan seseorang yang berilmu pengetahuan. Kerap kali diulang bahawa ilmu sangat berguna kerana dengan ilmu pengetahuanlah

yang dapat menerangi hidup dan dijadikan panduan. Ilmu yang diperoleh oleh individu tersebut sudah tentu dapat dimanfaatkan sepanjang hayat.

Rangkap kedua syair di atas meletakkan ketinggian ilmu yang tidak terhingga nilainya. Za'ba membuat perbandingan bahawa nilai ilmu tidak dapat ditukar ganti walaupun dengan sebuah dunia. Selanjutnya, pemikiran yang cuba diberikan oleh beliau ialah faedah atau manfaat bagi orang yang berilmu tiada hadnya dan dapat digunakan di mana-mana sahaja.

Selanjutnya, kita melihat sifat ilmu yang menjadi penghias diri seseorang, menjadi sahabat yang memberikan panduan semasa mengembara, dan ilmulah juga yang membezakan diri seseorang daripada seseorang yang lain. Perkara ini turut disokong dengan kata-kata yang pernah diluahkan oleh Aristotle iaitu:

"Yang meninggikan darjat seseorang ialah akal dan adabnya, bukan asal keturunannya".

Aristotle mengaitkan akal dan adab di mana seseorang yang mempunyai ilmu sudah pasti disertai dengan adab yang terpuji yang akan meletakkan dirinya di tahap yang jauh lebih baik daripada orang yang tidak berilmu.

Dengan ilmu seseorang itu dapat menghiburkan hati yang gundah serta membantunya memahami sesuatu perkara dengan lebih jelas. Pemikiran yang terkandung dalam rangkap keempat ini cuba menjelaskan kepada masyarakat bahawa ilmu tetap berguna walaupun seseorang itu sudah meninggal dunia dan hidup akan lebih bahagia bagi setiap orang yang berilmu.

Kelebihan ilmu terus digarap oleh Za'ba dalam rangkap kelima syair di atas. Sebagai pembaca, kita melihat pemikiran beliau yang menegaskan lagi tentang orang yang berilmu akan memperoleh ganjaran pahala. Dengan ilmu juga, seseorang itu berupaya mencapai cita-citanya dan ilmu itu luas sekali bidangnya.

#### KESIMPULAN

Melalui kajian puisi Melayu di atas, dapatlah disimpulkan bahawa warisan puisi Melayu tradisional yang diwakili oleh pantun, peribahasa, dan syair ini menyentuh hampir seluruh aspek kehidupan orang Melayu. Puisi yang diutarakan berfungsi dalam masyarakat Melayu dan tumpuan diberikan terhadap aspek pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab. Sama ada pantun, peribahasa, maupun syair

banyak merakamkan dan sekali gus menggambarkan minda masyarakat Melayu yang diungkapkan untuk mengungkapkan kepentingan ilmu dan adab melalui medium bahasa yang indah. Fungsinya yang bersifat didaktif dan isi kandungannya yang sarat mengandungi maksud tersirat sangat menyumbang ke arah menyuburkan adab dan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, melalui media puisi ini juga ditegaskan sekali lagi bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan ilmu pengetahuan dan dalam masa yang sama perihal adab atau budi pekerti tidak dilupakan sama sekali. Tidak dapat dinafikan lagi Islam amat mementingkan ilmu pengetahuan dan kedudukan ilmu serta orang yang berilmu amat tinggi kedudukannya bukan sahaja dalam kalangan masyarakat tetapi juga di sisi agama Islam. Begitu juga dengan adab sopan atau budi bahasa yang melambangkan diri seseorang itu berilmu atau sebaliknya. Pemikiran bangsa Melayu sesungguhnya melihat hubungan antara ilmu dan adab adalah saling melengkapi yang membentuk suatu hubungan yang sentiasa bergerak seiringan. Dalam konteks hubungan yang berkaitan dengan pemikiran atau minda Melayu ini, ilmu dan adab dipersepsikan sebagai amat penting dan diutamakan. Ketinggian ilmu dan adab

adalah tunggak kepada ketamadunan sesuatu bangsa. Ketandusan ilmu dan keruntuhan nilai budi atau adab akan memungkinkan kerendahan bangsa itu sendiri menurut pandangan masyarakat Melayu.

## RUJUKAN

- Al-Quran. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Taariq Said. 2006. *40 Hadis Motivasi Ilmu*. Batu Caves: Edusystem Sdn.Bhd.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Alwi Salim. 1983. *Puisi Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Gagne, R. 1985. *The Conditions of Learning*. 4th edition. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Manu Sikana. 2005. *Teori dan Kritikan Sastera Malaysia*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Siti Zainon Ismail. Mengukir Budi Melayu.<http://kakiseni.com/articles/people/MDIxOQ.html>. Tarikh capaian 20 Disember 2013.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin. 1993. Pendidikan Islam Era 2020: Tasawur dan strategi. Dlm. *Pendidikan Islam Era 2020: Tasawur dan Strategi*, disunting oleh Khailani Abdul Jalil & Ishak Ali Shah. Kajang: Tekno Edar.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2002. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Zurakintan binti Abdul Razak*  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: zurawy@yahoo.com.my

*Che Ibrahim bin Salleh, Ph.D.*  
Prof. Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: cikrahim@upm.edu.my

